

Dari Perak ke Putrajaya: Pengaruh Institusi Beraja dalam Politik Malaysia Kontemporari

From Perak to Putrajaya: The Influence of Monarchy Institutions in Contemporary Politics in Malaysia

Nurdeana Fatihah Abdul Najib

¹Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹nadzri@ukm.edu.my

ABSTRAK

Sebelum kehadiran kolonial, Malaysia menggunakan sistem monarki mutlak. Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sistem pemerintahan Malaysia berubah menjadi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah mengehadkan kuasa institusi pemerintahan beraja itu dengan beberapa pindaan supaya disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Ia bermaksud bahawa Raja harus bertindak mengikut peruntukan perlumbagaan yang telah ditetapkan sekaligus menutup ruang kepada kebebasan memerintah secara berkuasa mutlak dalam sistem pentadbiran negara. Namun, masih lagi terdapat campur tangan institusi beraja yang melangkaui peruntukan dalam perlumbagaan politik kontemporari di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatatif untuk mengumpul data. Data yang berasaskan perpustakaan telah dianalisa untuk mendapatkan hasil bagi kajian ini. Hasil dapatan penyelidikan ini berharap dapat menerangkan kepada masyarakat terhadap peranan institusi beraja di bawah Perlumbagaan Persekutuan.

Kata kunci: Institusi Beraja, Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan, Perlumbagaan Persekutuan, Politik Malaysia, Raja-Raja Melayu

ABSTRACT

Prior to the colonial presence, Malaysia used to run an absolute monarchy system. After achieving independence in 1957, system government of Malaysia's changed into a country that adopt a system of Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy. The Federation of Malaya 1957 limited the powers of the institution of the monarchy to suit the concept of Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy. It means that the King must act in accordance with the provisions of the constitution that has been set, thus closing the gap to the freedom to rule with absolute power in the country's administrative system. However, the intervention of monarchical institutions still happen that go beyond the provisions of the constitution of the contemporary politics in Malaysia. This research uses qualitative methods to collect data. Library-based data were analysed to obtain results for this study. The results of this research hopefully can explain to the community the role of monarchical institutions under the Federal Constitution.

Key words: Monarchical Institution, Parliamentary Democracy, Constitutional Monarchy, Federal Constitution, Malaysia Politics, Malay Rulers

1. Pengenalan

Seperti kebanyakan negara iaitu *Britain*, Jepun, Jordan, Thailand malahan Malaysia juga mempunyai Raja Berperlembagaan. Raja berperlembagaan ialah sistem di mana raja berkongsi kuasa dengan kerajaan yang dipilih secara perlembagaan. Perlembagaan yang dimaksudkan ialah perlembagaan dalam semua demokrasi perlembagaan yang kemudiannya memperuntukkan kuasa kepada tiga organ kerajaan iaitu eksekutif, badan perundangan, dan badan kehakiman (Azlan Shah 2004: 6). Raja berperlembagaan bermaksud ia merupakan jawatan tertinggi dalam politik. Ia menafikan kuasa muktamad kepada ahli politik dan membantu mengawal kuasa politik. Menurut Baginda, “raja berperlembagaan adalah pengadil yang tidak berat sebelah” (Azlan Shah 2004: 6).

Malaysia yang merupakan sebuah negara yang mengamalkan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen mempunyai sistem beraja yang unik. Terdapat Sembilan raja-raja, salah seorang daripada raja-raja tersebut menjadi Agong untuk tempoh lima tahun di bawah sistem giliran. Raja-raja ini berdaulat di negeri masing-masing, tetapi mereka juga memainkan peranan penting sebagai ahli Majlis Raja-Raja di bawah Perlembagaan Persekutuan (Azalan Shah 2004: 7).

Konsep raja berperlembagaan juga bermakna kedudukan raja sebagai simbolik pemerintahan, *de jure*, dan meletakkan kuasa pemerintahan kepada autoriti sivil, iaitu badan eksekutif dan parlimen, tanpa mencampuri urusan badan-badan itu melainkan mana-mana yang diminta dan dibenarkan oleh perlembagaan (Azlan Shah 2004: 251-288). Ianya perlu dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dan kekangan bagi mendapatkan kepercayaan umum (Azlan Shah 2004: 119) untuk dilakukan di dalam Dewan Rakyat melalui usul undi tidak percaya berdasarkan konvensyen (Kelaziman) perlembagaan dan bukannya istana (Azlan Shah 2004: 261).

Pemerintahan beraja memang sudah sedia wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu sejak berabad-abad lamanya. Menurut kepada sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri yang dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik khususnya sebelum penjajahan Inggeris. Namun, selepas beberapa perjanjian dengan British, sultan perlu menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai residen atau Penasihat British kecuali bahagian yang menyentuh hal Agama Islam (Nazri Muslim 2014: 121).

Tanah melayu melalui beberapa siri perlembagaan di mana Malayan Union diperkenalkan pada tahun 1946 dan sultan hanya berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja manakala kuasa pentadbiran dipegang oleh gabenor. Seterusnya, akibat daripada pemberontakan, Perlembagaan Malayan Union dibubarkan dan Persekutuan Tanah Melayu digantikan pada tahun 1948. Menerusi perlembagaan baru in, hak-hak sultan dikembalikan semula. Kedudukan Institusi Beraja ini semakin dikukuhkan lagi dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 (Nazri Muslim 2014: 121). Ia bermaksud selepas kemerdekaan Tanah Melayu iaitu pada 31 Ogos 1957, kedudukan Institusi Beraja dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 menerusi konsep Raja Berperlembagaan.

Setelah Perlembagaan Persekutuan 1957 digubal, Institusi Beraja telah bertukar kepada Raja Berperlembagaan. Kuasa mutlak raja telah dikembalikan tetapi telah diubah suai mengikut amalan demokrasi. Raja berperlembagaan adalah sistem pemerintahan beraja yang mengikut dan berdasarkan peruntukan Perlembagaan Malaysia. Kuasa raja pula digantikan dan diwakilkan kepada kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Justeru itu, raja hanya dikehendaki menerima dan bertindak mengikut nasihat kabinet dan menjalankan tugas secara simbolik (Rosliza Razali 2012).

Menurut Perlembagaan Persekutuan, raja-raja Melayu adalah diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-

masing. Raja-raja di negeri lain menjadi Ketua Negeri dan menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri Besar masing-masing (Parlimen 2021). Kuasa eksekutif yang diperolehi oleh Sultan tidak sama seperti kuasa eksekutif yang dimiliki oleh DUN. Perlembagaan Negeri memberi kuasa kepada Sultan mengenai perkara yang boleh dilaksanakan (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020: 68). Sebagai contoh, berlakunya isu krisis Perlembagaan Perak 2009 di mana terdapat campur tangan Sultan dalam pemecatan Menteri Besar pasca PRU 2008. Ia berlaku sewaktu Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Najib Razak mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

Sistem raja berperlembagaan Malaysia menegaskan bahawa raja-raja Melayu di Malaysia, di peringkat persekutuan adalah YDPA, bertindak atas Jemaah Menteri terdapat dalam Perkara 40 di dalam Perlembagaan Persekutuan (Mohamad Nadzri 2020: 80). Walaupun, raja mempunyai kuasa budi bicara, namun menurut Sultan Azlan Shah (2004: 259), kuasa itu tidak mutlak dan ini termasuk dalam perkara tentang pelantikan Perdana Menteri (Mohamad Nadzri 2020: 80). Dalam pelantikan ketua kerajaan, sebagai contoh ketua negara atau negeri perlu melantik individu yang dipercayai mendapat majoriti dalam legislatif, sama ada perwakilan itu disenangi atau tidak oleh baginda. Menurut Sultan Azlan Shah (2004: 264), bagi mengelakkan daripada individu yang dilantik itu idak dijatuhkan di dalam dewan perundangan melalui usul undi tidak percaya, sekali gus ia membawa kepada ketidakstabilan politik. Oleh hal yang demikian, disebabkan Malaysia mengamalkan raja berperlembagaan, kuasa raja menjadi terhad. Di mana raja tidak boleh masuk campur urusan politik, perniagaan dan ekonomi (Adam Abu Bakar 2019). Oleh itu, selepas krisis Perak, krisis dan kontroversi yang melibatkan institusi monarki timbul di mana institusi beraja di negeri masing-masing telah membuat keputusan untuk campur tangan urusan politik mahupun politik negeri masing-masing atau politik di peringkat Persekutuan.

2. Sorotan Kesusasteraan

Sorotan literatur dilaksanakan dengan beberapa penemuan yang telah diperolehi melalui beberapa kajian dalam konteks mengenai institusi beraja iaitu ‘*Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance*’ (2004), ‘*Sovereign Immune? The Malaysian Monarchy in Crisis*’ (1993), ‘*Identity Monarchy: Interrogating Heritage for a Divided Malaysia*’ (2012), ‘*The Monarchy in Malaysia: Struggling for Legitimacy*’ (2013), ‘*The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perceptions of Malay Community*’ (2010), Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari (2009), Krisis Perlembagaan Perak 2009 dan kesan terhadap perpaduan sosial (2020), Krisis politik Melayu dan pembinaan negara bangsa (2012), Langkah Sheraton dan Implikasinya terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia (2020),

Buku yang mempunyai koleksi tulisan, syarahan dan pidato oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah (2004) iaitu karya yang bertajuk *Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance*. Karya ini dalam beberapa ucapan, syarahan dan tulisan membincangkan perkembangan yang telah berlaku sejak Duli Yang Teramat Mulia pada masa-masa sebelumnya menangani isu-isu raja berperlembagaan dan fungsi kehakiman. Terdapat perbincangan mengenai pindaan 1983 dan 1993 kepada Perlembagaan Persekutuan. Karya ini juga membincangkan bahawa menjelang tahun 1993, Perlembagaan Persekutuan telah menghapuskan kekebalan Raja-Raja Negeri dan akhirnya memberi Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) dan Raja-Raja hanya tiga puluh hari untuk memperkenankan undang-undang di peringkat Persekutuan dan Negeri masing-masing (jika gagal, Rang Undang-Undang sedemikian akan dianggap menjadi undang-undang). Perkara ini menghendaki YDPA dan Raja-raja menerima dan bertindak mengikut nasihat yang diterima. DYMM Sultan Azlan Shah

memperlihatkan perkara ini sebagai pencerobohan yang sangat serius terhadap kuasa, hak dan keistimewaan YDPA dan Raja-raja di bawah Perlembagaan Merdeka yang asal.

Karya jurnal *Sovereign Immune? The Malaysian Monarchy in Crisis* ini ditulis oleh Andrew Harding (1993). Jurnal ini menerangkan bahawa kedaulatan institusi beraja berada dalam keadaan krisis. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum merdeka, monarki adalah berkuasa mutlak di Tanah Melayu namun selepas kemerdekaan pada 1957 monarki Malaysia bukan lagi berkuasa mutlak malahan kuasa mereka diterhadkan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Terutamanya apabila Pindaan Perlembagaan Malaysia 1993 iaitu dengan tujuan menghapuskan kekebalan atau immuniti undang-undang roayti atau Raja-Raja. Tun Dr Mahathir Muhamad yang membahaskan bahawa pengecualian Raja-Raja daripada tindakan undang-undang tidak sesuai dengan aliran zaman. Ini dapat dilihat bahawa institusi beraja Malaysia ketika itu mengalami krisis Daulat dan memperlihatkan juga bahawa terhad kuasa institusi beraja Malaysia.

Seterusnya ialah jurnal *Identity Monarchy: Interrogating Heritage for a Divided Malaysia* ini ditulis oleh Anthony Milner (2012). Jurnal ini membincangkan tentang identiti monarki dalam Malaysia. Seperti yang kita tahu, monarki sebelum merdeka adalah berkuasa mutlak manakala monarki Malaysia selepas merdeka mempunyai kuasa yang terhad. Justeru itu, menurut Milner dalam karya ini beliau dapat dilihat bahawa sejarah idea atau sejarah ideologi yang menjangkau kembali semasa era kolonial. Milner melihat identiti monarki tidak hanya menumpukan kepada satu etnik sahaja iaitu etnik Melayu namun ia diperlihatkan kepada ideologi monarki tersebut. Terutamanya apabila ideologinya itu adalah diutamakan kepada orang Melayu. Justeru itu, kerajaan Malaysia menerapkan ideologi “1Malaysia” yang selamat dan berkesan dari segi politik untuk memanfaatkan kekuatan ideologi kerajaan supaya tidak terlihat menumpukan kepada orang Melayu.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Muhammad Takiyuddin Ismail (2013), melalui penulisan mereka yang bertajuk *The Monarchy in Malaysia: Struggling for Legitimacy* ini membincangkan tentang monarki Malaysia yang berjuang untuk legitimasi. Penulis mengatakan bahawa kajian mengenai institusi beraja kurang dikaji kerana bimbang akan didakwa sebagai *lese-majeste* terhadap institusi diraja. Justeru itu, dalam penulisan ini, penulis telah menulis tentang krisis Perlembagaan Perak 2009-2010 iaitu selepas Pilihan Raya Umum ke-12 iaitu pada tahun 2008. Di dalam karya ini diperlihatkan bahawa terdapat pengaruh Institusi Beraja Perak yang telah membenarkan peralihan kuasa daripada kerajaan Pakatan Rakyat (PR) kepada pentadbiran negeri Barisan Nasional (BN). Karya ini juga bukan sahaja menerangkan pengaruh Institusi Beraja di Perak sahaja malah di negeri lain juga seperti di Selangor dan banyak lagi. Karya ini memperlihatkan perjuangan institusi monarki Malaysia yang kontemporari untuk mencapai legitimasi.

Seterusnya ialah karya yang ditulis oleh Fatimah Zainab dan Nazrul Dadziruddin (2010). Karya yang bertajuk *The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perceptions of Malay Community*. Karya ini adalah tentang fungsi Raja Berperlembagaan dalam sistem politik Malaysia dan persepsi komuniti Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia berkait rapat dan selaras perkembangan tamadun Melayu. Ini dapat diperlihatkan bahawa semua masyarakat di Malaysia yang berlatarbelakangkan sejarah Tanah Melayu dan Malaysia dapat menerima kewujudan sistem Raja Berperlembagaan sebagai tradisi dalam sistem politik Malaysia.

Karya yang ditulis oleh Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2009) yang bertajuk *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari* dilihatkan pengalaman politik dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan kontemporari yang menarik. Pelbagai praktik baru dan impak yang wujud, sewaktu dan selepas pilihan raya tersebut. Antara yang dapat dilihat dalam karya ini ialah perilaku pengundian berdasarkan faktor isu, persekitaran atau parti berbanding berdasarkan kaum. Dapat dilihat juga Barisan Nasional (BN) yang

merupakan parti pemerintah juga tidak lagi begitu dominan di dalam persaingan pilihan raya dan politik Malaysia. Sebaliknya yang berlaku, BN mula mengalami gugatan yang berkesan dari parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR). Karya ini secara dasarnya membuat analisis dan perbincangan berkenaan praktik PRU 2008. Namun, impak dan praktik dalam politik Malaysia pasca pilihan raya turut dibincangkan. Ia termasuklah krisis politik Perak dan negeri-negeri lain.

Karya jurnal yang ditulis oleh Noor Hishmuddian Rahim et al (2020) berkenaan *Krisis Perlembagaan Perak 2009 dan Kesan Terhadap Perpaduan Sosial*. Karya yang ditulis memperlihatkan cabaran kesahihan Kerajaan Negeri Perak dan kesahihan pelantikan Menteri Besar. Ia juga membincangkan krisis Perlembagaan Perak yang melihat kuasa dan peranan Sultan dalam isu ini. Isu ini menunjukkan bahawa negeri Perak mengalami krisis legitimasi yang serius dalam membentuk kerajaan baru di Perak.

Karya yang ditulis oleh Suhana Saad et al (2012), *Krisis Politik Melayu dan Pembinaan Negara Bangsa* juga melihat pasca Pilihan Raya Umum 2008 yang memperlihatkan perpecahan di kalangan Melayu di negeri Perak. Ia memperlihatkan pergolakan dalam politik Melayu sehingga membawa kepada krisis Perlembagaan Perak. Karya ini juga menunjukkan pasca Pilihan Raya Umum 2008 antaranya krisis Perak telah menyebabkan orang Melayu tidak mampu untuk bekerjasama dalam politik serta tidak mampu untuk mencapai matlamat secara bersama sehingga menyebabkan konflik politik Melayu di kalangan orang Melayu.

Karya yang ditulis oleh Mohamad Nadzri (2020), *Langkah Sheraton dan Implikasinya terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia* membincangkan tentang motif Operasi atau Langkah Sheraton ini. Karya ini menghujahkan bahawa Langkah Sheraton telah menunjukkan bukti baharu perkembangan politik hibrid di Malaysia yang menuju ke arah sebuah sistem *quasi-parliamentary* dan *quasi-constitutional monarchy*. Karya ini menunjukkan bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa perundangan di dalam konsep politik Malaysia berasaskan demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan kebebasan kehakiman. Ini dapat dilihat bahawa pelantikan Perdana Menteri dibawah Operasi Sheraton sebenarnya terdapat pengaruh Institusi Beraja di peringkat persekutuan. Kuasa raja-raja Melayu, di peringkat Persekutuan adalah YDPA menurut Perlembagaan Persekutuan Perkara 40, bertindak atas nasihat Jemaah Menteri. Namun, kuasa ini tidak mutlak. Lalu, memperlihatkan bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa perundangan YDPA dalam politik Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan akan memfokuskan kepada pengaplikasian kerangka teoritikal yang telah dikenalpasti sebagai bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Analisis kajian ini akan dilakukan secara kritikal dan komprehensif berdasarkan kerangka tersebut. Pengkaji juga akan menggunakan sumber-sumber sekunder seperti jurnal-jurnal akademik, buku-buku kajian ilmiah, dokumen-dokumen kerajaan dan berita-berita atas talian dalam mengumpul maklumat berdasarkan kajian ini.

4. Dapatan dan Perbincangan

Pilihan Raya Umum 2008 iaitu PRU ke-12 merupakan peristiwa gelombang tsunami politik. Hal ini dikatakan demikian kerana parti dominan ketika itu iaitu Barisan Nasional (BN) telah kehilangan majoriti 2/3 di Parlimen dan hanya memenangi 140 kerusi daripada 222 kerusi, manakala pembangkang telah memenangi 82 kerusi di Parlimen (Jamaie Hj Hamil et al 2014: 47). Untuk memenangi 2/3 majoriti kerusi di Parlimen, sesebuah parti itu harus memenangi 148 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. BN yang gagal memenangi 2/3 majoriti kerusi di Parlimen akibat daripada hasil gabungan parti oposisi iaitu PKR, DAP, dan PAS lebih

dikenali sebagai Pakatan Rakyat yang berjaya menawan lima buah negeri seperti Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kedah, dan Kelantan (Siti Khadijah Binti Ahmed 2016). PRU ke-12 ini merupakan pencapaian terburuk BN di dalam sejarah pilihan raya di negara ini. Di peringkat DUN, BN hanya memenangi 307 kerusi daripada 505 kerusi yang ditandinginya. Kebanyakan penganalisis politik menggunakan istilah ‘Tsunami Politik’ untuk menggambarkan gelombang penolakan terhadap BN. BN bukan sahaja kalah di kawasan yang dianggap selamat malahan ramai pemimpin parti komponennya yang tewas. Gelombang penolakan terhadap BN terlihat begitu ketara dalam PRU-12 merupakan BN kalah di beberapa negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Perak, Kelantan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Norhayati Mohd. Salleh 2008: 49-53).

Umumnya, pasca Pilihan Raya Umum, kerajaan negeri akan dibentuk oleh parti politik yang memenangi kerusi majoriti Dewan Undangan Negeri (DUN). Namun, sebaliknya yang berlaku di Negeri Perak. Peristiwa ini berlaku pada tahun 2009 iaitu bermula daripada keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke 12. Peristiwa ini dinamakan sebagai krisis perlembagaan Perak. Ia merupakan antara salah satu krisis perlembagaan Malaysia. Krisis ini telah mencabar kesihihan kerajaan negeri Perak dan kesihihan pelantikan Menteri Besar (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020: 67). Pasca PRU 2008 ini memperlihatkan perpecahan di kalangan Melayu semakin ketara dan dapat dibuktikan pergolakan politik Melayu ini dalam krisis legitimasi di Perak. Ia membawa kepada penentangan sesama pemimpin politik Melayu sendiri. Krisis Perak ini merupakan satu pertikaian tentang keabsahan kerajaan yang dibentuk oleh Pakatan Rakyat di negeri Perak (Suhana Saad et al 2012: 41).

Keputusan PRU ke-12, kerajaan negeri dibentuk oleh Pakatan Rakyat (PR) yang telah memenangi majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak. Sungguhpun PR memenangi majoriti kerudi DUN, jumlah perbezaan kerusi yang dimenangi sangat kecil. BN hanya memerlukan tiga kerusi sahaja untuk membolehkan mereka menubuhkan kerajaan baru di Perak. Krisis ini bermula apabila BN kalah di Perak. Pada PRU 2008, BN berhadapan dengan parti pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti SeIslam Malaysia (PAS). BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga di dalam DUN dan seterusnya gagal membentuk kerajaan di negeri Perak. Atas keputusan tersebut, Perak telah diperintah oleh kerajaan yang ditubuhkan oleh PR dengan majoriti yang kecil iaitu PR sebanyak 31 kerusi dan BN 28 kerusi DUN (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020).

Krisis ini bermula apabila Tiga ADUN Perak dari PR melompat parti dan mengisyiharkan diri mereka menyokong BN (Malaysia Kini 2011). Keadaan ini telah memberikan kejayaan kepada BN dan meyakinkan Sultan Perak untuk membubarkan kerajaan yang dibentuk oleh Pakatan Rakyat dan diganti dengan BN (Suhana Saad et al 2012: 41). Kesan daripada itu, BN dengan pantas menyingkirkan pentadbiran Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin dan menamakan seorang wakil rakyatnya iaitu Datuk Seri Zambray Abdul Kadir sebagai Menteri Besar (Malaysia Kini 2011). Berlaku pada 19 Ogos 2008, Badan Pencegahan Rasuah Malaysia (BPR) telah menahan dua orang wakil rakyat daripada PR iaitu YB Jamaludin yang merupakan ADUN Behrang dan YB Osman yang merupakan ADUN Changkat Jering atas dakwaan rasuah bernilai RM180 juta (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020).

Pilihan Raya Umum 2008 memperlihatkan aktiviti lompat parti yang telah menyebabkan berlakunya perubahan kerusi DUN ketika itu. Pada 25 Januari 2009, ADUN Bota telah meninggalkan UMNO dan menyertai PKR. Pada ketika itu, penguasaan PR dalam DUN meningkat kepada 32 kerusi manakala BN menurun kepada 27 kerusi. Namun, pada 1 Februari 2009, kedua-dua ADUN Behrang dan Changkat Jering telah dilaporkan hilang justeru keesokan harinya Menteri Besar yang dilantik oleh PR iaitu Nizar Jamaludin telah mengadap Sultan Perak bagi mempersempahkan dua pucuk Salinan surat perletakan jawatan ADUN

Behrang dan Changkat Jering bertarikh 30 Januari 2009 (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020). Menurut Malaysia Kini (2010), Noor Hishmuddian Rahim et al (2020), Speaker DUN Perak, V. Sivakumar berkata bahawa beliau menerima surat peletakan jawatan ADUN Behrang Jamaluddin Mat Radzi dan ADUN Changkat Jering, Mohd Osman Jailu dan mohon kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) melaksanakan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi kedua-dua DUN tersebut. Walaubagaimanapun, diketahui sebenarnya kedua-dua ADUN PKR tersebut menafikan perletakan jawatan mereka.

Justeru itu, pada 3 Februari 2009, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) memutuskan bahawa tidak berlaku kekosongan kerusi DUN Behrang dan DUN Changkat Jering maka tidak perlu mengadakan PRK bagi kedua-dua kawasan itu (Malaysia Kini 2010). Kemudian pada 4 Februari 2009, tiga ADUN dari PKR dan satu ADUN dari DAP telah mengesahkan bahawa mereka meletak jawatan dari parti masing-masing dan menjadi ADUN bebas yang menyokong BN (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020), (Malaysia Kini 2010). Tambahan lagi, ADUN Bota telah Kembali semula ke pangkuhan UMNO menjadikan BN dan tiga orang wakil bebasnya mempunyai 31 kerusi berbanding PR dengan 28 kerusi. Oleh itu, BN layak untuk membentuk kerajaan negeri baru di Perak (Noor Hismuddian Rahim et al 2020).

Pada hari yang sama juga Menteri Besar Perak ketika itu iaitu Nizar Jamaludin bertemu dengan Sultan Perak bagi mendapat perkenan untuk membubarkan DUN serta mengadakan Pilihan Raya semula dan seterusnya memilih kerajaan baru secara sah telah gagal (Suhana Saad et al 2012). Hal ini diberitahu daripada kenyataan media dari pejabat Sultan Perak pada 5 Februari 2009 menyatakan bahawa Sultan Perak bertitah tidak akan membubarkan DUN dan menitahkan Mohammad Nizar serta Anggota Majlis Mesyuarat Negeri meletakkan jawatan dan sekiranya enggan maka jawatan mereka akan dianggap kosong (Malaysia Kini 2010). Pada 6 Februari 2009, Dr Zambry Abdul Kadir dilantik sebagai Menteri Besar Perak ke-11 menggantikan Nizar Jamaludin yang mula memegang jawatan berkenaan pada 17 Mac 2008 dan BN secara rasmi mengambil alih pentadbiran kerajaan Negeri Perak (Malaysia Kini 2010). Kegagalan Nizar Jamaludin untuk membubarkan DUN adalah disebabkan hilang kepercayaan terhadap beliau untuk membentuk kerajaan negeri di Perak (Suhana Saad et al 2012).

Krisis Perak ini menimbulkan kontroversi yang berpanjangan kerana ada pihak yang mendakwa BN telah membeli ketiga-tiga wakil rakyat Pakatan Rakyat untuk melompat parti bagi membolehkan BN membentuk kerajaan di negeri Perak. *Election Commision Malaysia* (EC) juga menerima kesan daripada krisis tersebut kerana menolak surat permohonan untuk mengadakan pilihan raya semula. Krisis ini mendapat perhatian umum lagi apabila pelantikan Menteri Besar, Zambry Abdul Kadir dilakukan meskipun kedudukan jawatan Menteri Besar sedia ada masih lagi dipersoalkan (Muhamad Nadzri Mohamed Noor 2009).

Di sini dapat dilihat bahawa Sultan Perak memainkan peranan dalam kejayaan BN untuk membentuk kerajaan negeri baru di Perak. Walaubagaimanapun, krisis Perlembagaan Perak ini telah dilihat sebagai kurang demokratik kerana terdapat pengaruh institusi beraja dalam pelantikan tersebut dan tidak melalui pilihan raya semula yang tidak diadakan. Sistem beraja di Malaysia iaitu sistem Raja Berperlembagaan bermaksud YDPA diiktiraf sebagai ketua negara atau negeri oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri dengan mempunyai kuasa yang terhad sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020). Dipersoalkan apakah peranan Sultan dalam krisis ini. Tambahan pula, adakah Undang-undang Tubuh Negeri Perak memberi kuasa kepada Sultan untuk memecat Menteri Besar.

Undang-Undang Tubuh Negeri Perak yang berkaitan dengan pelantikan Menteri Besar ialah Artikel 18(1) Undang-Undang Tubuh Negeri Perak mengiktiraf Sultan sebagai ketua negeri yang bertindak atas nasihat DUN kecuali dalam perkara di mana Undang-Undang Tubuh Negeri Perak memperuntukkan bahawa Sultan boleh bertindak atas budi bicara baginda semata-mata. Seterusnya, Artikel 18 (2) pula adalah peruntukan untuk Sultan melantik Menteri

Besar dan atas kuasa budi bicaranya boleh menangguhkan permohonan pembubaran DUN. Manakala, Artikel 16 (6) mensyaratkan bahawa DUN merupakan pihak yang menentukan sama ada ia menaruh keyakinan terhadap Menteri Besar selaku Ketua Majlis Eksekutif menerusi undi tidak percaya terhadap Menteri Besar. Artikel 16 (7) pula memperuntukkan bahawa kecuali Menteri Besar, anggota-anggota lain Majlis Eksekutif memegang jawatan atas perkenan Sultan dan mereka (anggota eksekutif) boleh dipecat dari jawatan oleh Sultan yang bertindak atas nasihat Menteri Besar. Artikel 36 (2) pula memperuntukkan Sultan untuk memanggil DUN bersidang atau membubarkan DUN. Bidang kuasa Sultan untuk membubarkan DUN terdapat dalam dua proviso undang-undang iaitu (1) Artikel 16 (6) dan; (2) Artikel 36 (2) Undang-Undang Tubuh Negeri Perak (Noor Hishmuddian Rahim et al 2020).

Melihat isu krisis Perak ini, dua ujian sahaja perlu dilaksanakan iaitu (1) atau (2). Salah satu ujian ini mesti dilakukan bagi menentukan sokongan terhadap Menteri Besar dan kerajaan PR. Malangnya, kedua-dua ujian itu tidak dilaksanakan. Malah, Sultan memecat Menteri Besar dengan berpanduan Artikel 36 (2). Walaupun dikatakan Zambray Kadir parti BN mendapat sokongan majoriti anggota DUN, ia tidak bermakna Sultan boleh membuat keputusan bahawa Nizar Jamaludin tidak lagi mendapat keyakinan majoriti DUN. Dapat dilihat disini bahawa pendapat peribadi atau keputusan Sultan tidak selari dengan Artikel 16 (6) yang mensyaratkan bahawa DUN merupakan pihak yang menentukan sama ada ia menaruh keyakinan terhadap Menteri Besar. Dijelaskan tiada satu peruntukan perundangan yang membolehkan Sultan memecat Menteri Besar atas alasan telah hilang sokongan majoriti ADUN tanpa membubarkan DUN terlebih dahulu (Noor Hismuddian Rahim et al 2020).

Meskipun Sultan mempunyai kuasa budi bicara, tetapi menurut Raja Azlan Shah dalam karyanya *Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance* (2004: 259) kuasa ini tidak mutlak. Dalam pelantikan ketua kerajaan umpamanya, ketua negara atau negeri perlu melantik individu yang dipercayai mendapat majoriti di dalam legislatif, sama ada perwakilan itu disenangi, diyakini atau tidak oleh Sultan adalah tidak material. Ini menurut Raja Azlan Shah, bagi mengelakkan daripada individu yang dilantik itu dijatuhkan di dalam dewan perundangan melalui usul undi tidak percaya, sekali gus membawa kepada ketidakstabilan politik (Azlan Shah 2004: 264), (Muhamad Nadzri Mohamed Noor 2020). Atas alasan tersebut, Sultan tidak mempunyai kuasa untuk memecat Menteri Besar atas andaian hilang kepercayaan majoriti DUN. Undang-Undang Tubuh Negeri Perak juga tidak memberi kuasa kepada Sultan untuk memecat Menteri Besar. Oleh itu, jelas menunjukkan tindakan Sultan telah bertentangan dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Perak.

Sistem pemerintahan beraja di setiap negeri ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi sistem pemerintahan demokrasi kerana institusi beraja sangat berkecuali dalam segala hal terutama politik, ekonomi dan dasar negara. Jadi, ini dapat dilihat berlakunya semak dan imbang. Institusi raja juga tidak menyebelahi mana-mana pihak dan ia tidak ada parti politik. Namun, tidak bagi konteks Perak iaitu krisis Perlembagaan Perak pasca PRU 2008. Krisis Perlembagaan Perak mengecewakan dalam penegasan bahawa monarki masih terjerat dalam sebuah institusi politik feudal. Ironinya, Sultan Perak yang mencetuskan usaha untuk menggariskan peranan baru monarki dalam suasana kontemporari. Krisis ini telah meninggalkan kesan yang tidak dapat dihapuskan terhadap kerabat diraja Perak (Ahmad Fauzi & Muhammad Takiyuddin 2013).

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, peralihan kuasa di negeri Perak dilihat sebagai kurang demokratik dan menyebabkan kerajaan BN di Perak mengalami krisis legitimasi yang serius. Dapat dilihat juga bahawa kuasa politik Melayu semakin lemah. Seharusnya, bagi membentuk kerajaan baru, pilihan raya semula perlu diadakan. Namun, ia tidak berlaku. Dapat dilihat daripada

perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa perebutan kuasa masih berlaku daripada dahulu sehingga kini. Dalam konteks krisis Perak ini berdasarkan inovasi pemerintahan authoritarian dalam mengubah kerajaan melalui istana, legasi pentadbiran BN di bawah Najib dengan membelakangkan konvensyen perlombagaan dan prosedur dewan perundangan telah membangkitkan ketidaktentuan politik dan kecelaruan prosedur. Keadaan lebih rumit dengan pelbagai penentangan terhadap pucuk pimpinan negara seperti perebutan kuasa dan konflik dalam parti yang ternyata memecahbelahkan rakyat. Kesan melompat parti dilihat sebagai sesuatu tindakan yang sangat bahaya kepada parti. Walaupun ia sesuatu yang sah tapi ia tidak bermoral. Sekiranya hal ini tidak diperbetulkan, ia akan menghilangkan fungsi sebenar sesebuah pilihan raya itu dijalankan dan kestabilan pemerintahan politik Malaysia akan dipenuhi dengan ketidaktentuan dalam hala tuju pemerintahan dan kepimpinan sekali gus keselamatan negara tidak akan terjamin.

Penghargaan

Penulisan kertas kerja ini sebahagian dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Adam, A. B. (2019). *Campur Tangan Diraja dalam Politik, Ekonomi dan Perniagaan Semakin Luas, Kata Syed Husin*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/04/27/campur-tangan-diraja-dalam-politik-ekonomi-dan-perniagaan-semakin-luas-kata-syed-husin/> [9 Jun 2021].
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Muhammad Taqiyuddin Ismail. (2013). The Monarchy in Malaysia: Struggling for Legitimacy. *Kyoto Review of Southeast Asia*. 13: 1-6.
- Azlan Shah (Visu, Sinnadurai (pytn.)). (2004). *Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance: Selected Essays and Speeches*. Kuala Lumpur: Professional LawBooks Publisher.
- Fatimah Zainab Binti Dzulkifli & Nazrul Dadziruddin Mohd Zameri. (2010). *The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perceptions of Malay Community*. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/3182/1/S18.pdf> [28 Mac2022].
- Harding, A. (1993). Sovereign Immune? The Malaysian Monarchy in Crisis. *The Round Table*. 82(327): 305-314.
- Hafiz Yatim & Salhan K Ahmad. (2011). *Zaki Nafî Terlibat Krisis Perlombagaan Perak*. <https://www.malaysiakini.com/news/176422> [10 Jun 2022].
- Jamaie Hj Hamil et al. (2014). Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 Hingga 2013 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 39-53.
- Malaysia Kini. (2010). *Kronologi Krisis Politik Perak*. <https://www.malaysiakini.com/news/123990> [10 Jun 2022].
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). *Langkah Sheraton dan Implikasinya terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia*. <file:///C:/Users/Hp/Downloads/OpsSheratondanImplikasiterhadapKonsepPolitikdanPerundangan.pdf> [16 Julai 2021].
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2009). *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik*

- dalam PRU 2008 dan Kontemporari. Malaysia: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Milner, A. (2012). Identity Monarchy: Interrogating Heritage for a Divided Malaysia. *Southeast Asian Studies*. 1(2): 191-212.
- Nazri, M. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dan Sudut Perlembagaan. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 2(2): 121-127.
- Noor, H. R. et al. (2020). Krisis Perlembagaan Perak 2009 dan Kesan Terhadap Perpaduan Nasional. *ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*. 66-73.
- Norhayati Mohd. Salleh. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12): “Tsunami” PolitikMelayu? *Jebat*. 35: 49-64.
- Parlimen. (2021). *Parlimen*.
https://www.parlimen.gov.my/index.php?modload=content&action=001&id=23&uwe_b=web&_print=true [8 Jun 2021].
- Rosliza, B. R. (2012). *Malaysia Merupakan Sebuah Negara Yang Mengamalkan Sistem Pemerintahan Yang Unik Berteraskan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Bincangkan*.
https://www.academia.edu/13820088/KONSEP_RAJA_BERPELEMBAGAAN [8 Jun 2021].
- Siti Khadijah Ahmed. (2016). *Politik Satira dan Budaya Penetangan Di Malaysia*.
<https://www.coursehero.com/file/80319942/Tesis-Politik-Satira-Full-Compile-pdf/> [26 Mei 2021].
- Suhana, S. et al. (2012). Krisis Politik Melayu dan Pembinaan Negara Bangsa. *Malaysia Journal of Society and Space*. 8(9): 39-45.